# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD SABRI BIN YUNUS
PELAKON DAN PELAWAK BERJAYA

OLEH:

WAN MOHD ARRIF BIN WAN SAIDI 2012900831

MOHD FARID BIN NORDIN 2012132155

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

MOHD SABRI BIN YUNUS

PELAKON DAN PELAWAK BERJAYA

OLEH:


| | |
|---|---|
| WAN MOHD ARRIF BIN WAN SAIDI | 2012900831 |
| MOHD FARID BIN NORDIN | 2012132155 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, pelbagai cabaran yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Kamarian bt. Chik yang telah memberikan segala ilmu dan pengetahuan yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Saudara Mohd Sabri bin Yunus, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan terhadap kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan, sahabat dan merangkul anak didik beliau, saudara Fazlisham kerana telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai tokoh. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami semasa menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | i-ii |
| Isi Kandungan | iii-iv |
| Abstrak | v-vi |
| Biodata Tokoh | vii-ix |
| Pengenalan | x-vii |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh | 01 |
| Bahagian 2: Sejarah Pendidikan | 13 |
| Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya | 20 |
| Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah | 33 |
| Bahagian 5: Pandangan | 40 |
| Lampiran | |
| Senarai Soalan | 48 |
| Log Temubual | 52 |
| Indeks | 57 |
| Rujukan | 64 |
| Lampiran | 65 |
| Surat Perjanjian | 66 |
| Gambar | 67 |

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Saudara Mohd Sabri bin Yunus. Beliau merupakan seorang pelakon dan pelawak yang telah berjaya dalam bidang seni dan telah merangkul banyak anugerah dan pengiktirafan. Wawancara ini telah dijalankan di Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertempat di Kuala Lumpur pada hari Selasa bersamaan 15 April 2014 pada jam 04.00 petang. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang menceburkan diri dalam bidang seni. Selain itu, temubual ini juga menumpukan tentang pengalaman pahit dan manis yang beliau lalui sepanjang menjadi pelakon, pelawak dan juga dalam bidang pengacaraan. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung ke dalam bidang seni.*

**Kata kunci:** *Pelakon, Pelawak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | | |
|---|---|---|
| **Nama** | : | Mohd Sabri Bin Yunus |
| **Umur** | : | 53 tahun |
| **Tarikh Lahir** | : | 08 September 1961 |
| **Tempat Lahir** | : | Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan |
| **Pendidikan** | | • Sekolah Rendah Dato' Hashim<br>• Sekolah Menengah Pengkalan Chepa<br>• Sekolah Menengah Ismail Petra.<br>• sekolah swasta, institut pendidikan |
| **Pekerjaan** | : | • Pelakon/Pelawak<br>• Pengacara<br>• Pengarah filem/ Drama |
| **Status** | : | Berkahwin |

| | | |
|---|---|---|
| **Bilangan Adik-Beradik** | : | 7 orang |
| **Bilangan anak** | | 3 orang |
| **Nama Ayah** | | Yunus Bin Dollah |
| **Nama Ibu** | | Semah Bt Mamat |
| **Nama Isteri** | : | Norraya binti Mohd Yusof |
| **Anak** | : | Mohd Saidi bin Mohd Sabri - 23 tahun |
| | | Shamimi binti Mohd Sabri – 21 tahun |
| | | Syazni binti Mohd Sabri – 19 tahun |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama En Mohd Sabri Bin Yunus yang telah dijalankan pada 15 April 2014 jam 04.00 petang di Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertempat di Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang pelakon dan pelawak yang telah berjaya dalam bidang seni dan telah merangkul banyak anugerah dan pengiktirafan.

Saudara Mohd Sabri Bin Yunus telah dilahirkan di Pengkalan Chepa, Kelantan. Beliau merupakan anak yang ketiga daripada tujuh adik-beradik, berstatuskan sudah berkahwin. Hasil perkahwinan bersama arwah isterinya, Norraya binti Mohd Yusof, mereka telah dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan. Anak pertama beliau bernama Mohd Saidi bin Mohd Sabri, anak yang kedua bernama Shamimi binti Mohd Sabri dan anak yang ketiga bernama Syazni binti Mohd Sabri.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Chepa dan selepas itu sekolah itu di tukar nama baru, Sekolah Rendah Dato' Hashim. Beliau bersekolah disana sehingga darjah enam. Kemudian beliau bersekolah di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa bermula tingkatan satu sehingga tingkatan tiga. Pada tingkatan empat dan lima, beliau beralih ke aliran sains dengan bersekolah di sekolah Sekolah Menengah Ismail Petra. Kemudian beliau meneruskan pengajian beliau ke peringkat seterusnya, tingkatan enam bagi menduduki peperikasaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dimana beliau mendapatkan pendidikan di sekolah swasta yang bertempat di perkarangan stadium Sultan Muhammad pada satu ketika dahulu. Transkrip wawancara ini dijalankan selama sejam enam belas minit, penumpuan sesi wawancara ini menjurus kepada latar belakang, pendidikan, pengalaman bekerja, pencapaian, sumbangan dan pandangan beliau dalam bidang seni.

Transkrip ini lebih menceritakan tentang pengalaman beliau sebelum dan juga selepas bergelar anak seni. Permulaan kerjaya beliau bermula setelah tamat zaman persekolahan pada tingkatan enam. Bermula Di Dewan Bahasa Dan Pustaka, beliau rmula menceburi bidang lukisan. Selepas beberapa tahun, ianya terus berkembang dengan beliau mula mendalami lagi bidang seni dengan menceburi bidang lakonan, teater, pementasan drama, pengarahan dan juga pengacaraan. Beliau juga turut terjebak dalam bidang penulisan skrip. Antara contoh skrip hasil karya beliau ialah Sanggul Beracun. Beliau juga berkongsi pengalaman beliau tentang cabaran dan usaha yang dilakukan beliau dalam mengangkat dialek Kelantan ke peringkat lebih tinggi dan diterima oleh masyarakat di seluruh Malaysia.

Beliau juga ada berkongsi pendapat beliau tentang bidang seni tanah air. Beliau ada memberikan beberapa pandangan dalam memajukan lagi seni tanah air. Antaranya ialah kerjasama dari pihak berwajib amat memainkan peranan dalam membangunkan bidang seni kita sendiri disamping peranan dan tanggungjawab seseorang individu yang bergelar anak seni itu.

# TRANSKRIP

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

| **Petunjuk:** | | |
|---|---|---|
| **SY** | : | Sabri Yunus |
| **MF** | : | Mohd Farid |

**MF : Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera kami ucapkan kepada abang Sabri Yunus kerana sudi untuk ditemubual pada hari ini. Sebelum itu saya ingin perkenalkan diri saya, saya Mohd Farid Bin Nordin bersama rakan saya Wan Mohd Arrif Bin Wan Saidi. Kami pelajar tahun *lima* [5] dari Fakulti Pengurusan Maklumat UITM Machang, Kelantan. Temuramah ini dijalankan di Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertempat di Kuala Lumpur. Temuramah pada hari ini adalah untuk memenuhi dan melengkapkan tugasan bagi subjek pendokumentasian sejarah lisan. Terlebih dahulu ribuan terima kasih kami ucapkan kepada abang Sabri Yunus kerana sudi meluangkan masa untuk di temuramah pada hari ini. Pertama sekali saya akan bertanyakan soalan mengenai latar belakang abang sendiri. *Okay* [baiklah] apakah nama penuh abang mengikut kad pengenalan abang?**

SY : *Okay* [baiklah], Mohd Sabri Bin Yunus, MOHD SABRI BIN YUNUS (mengeja) Mohd Sabri Bin Yunus. *Okay* [baiklah].

**MF** : **Apakah nama yang biasa digunakan oleh ahli keluarga ataupun sahabat abang untuk memanggil abang?**

SY : *Okay* [baiklah], macam macam panggil lah (ketawa dari pengunjung) berbagai-bagai panggilan. Biasa kawan-kawan panggil Sabri je lah. Kebiasaannya sahabat memanggil sabri saja. Tapi kalau keluarga, di kampung orang *panggil Yie ada.* [ada yang memanggil Yie] Yie lah nama dari *budak-budak* [kanak-kanak] lagi, keluarga dan orang kampung panggil Yie-sabri lah. *Okay* [baiklah] (batuk)

**MF** : **Bila dan dimanakah abang dilahirkan?**

SY : *Okay* [baiklah], saya dilahirkan di Pengkalan Chepa, Kelantan. *Lapan September sembilan belas enam puluh satu* [8 september 1961] *okay* [baiklah], Pengkalan Chepa.

**MF** : **Dimanakah abang Sabri menetap sekarang? (ketawa dari pengunjung)**

SY : Saya sekarang di Kuala Lumpur, di Ampang. Ampang ni *Selangor* [nama negeri dalam Malaysia] lah. Tapi di sempadan lah, *Selangor* [nama negeri dalam Malaysia], Kuala Lumpur, tapi-*ic* [kad pengenalan] alamat *duduk* [tinggal] di Kuala Lumpur, tapi

sebenarnya menarik sikit sebabnya dia boleh *pakai* [guna] dua alamat, poskod yang berbeza, alamat yang sama. Poskod negeri ni, poskod negeri ni. Kuala Lumpur dan Ampang, *sama-sama* [kedua-dua] boleh pakai. (ketawa)

**MF** : **Apakah nama penuh kedua ibu bapa abang sendiri?**

**SY** : *Okay* [baiklah], saya (ketawa) suka tengok *interview* [temuramah] ini, soalan ini, soalan dia macam terlalu ramai, satu-satu jawab (Ketawa). Selalunya *interview* [temuramah] *just* [Cuma] cakap *je* [saja], kita cakap *direct* [terus] panjang, tapi ni *dah* [sudah] seolah-olah macam, macam mahkamah pulak jadinya. *Okay* [baiklah] (ketawa), orang tua saya nama Yunus, Yunus Bin Dollah. Mak saya nama Semah Bt Mamat, cukup. (ketawa).

**MF** : ***Okay* [baiklah], seperti yang kita tahu, abang berasal dari negeri *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia],**

**SY** : Ya saya.

**MF** : **Adakah kedua ibu bapa abang juga berasal dari negeri yang sama?**

**SY** : Ya . (Perbualan dari pengunjung)

**MF** : **Adakah kedua orang tua abang masih ada?**

**SY** : Ayah dah *takde* [sudah tiada], tinggal mak je.

**MF** : **Dimanakah emak abang menetap sekarang? Adakah bersama abang?**

**SY** : Menetap di kampung, sebab soalan satu-satu, jawab satu-satu (ketawa), Sepatutnya *you* [awak] tanya latar belakang *je* [sahaja], semua saya cerita *je* [terus] (ketawa), *Tak pe, tak pe* [tak mengapa] teruskan, satu, matikan *je* [saja] (ketawa).

**MF** : **Abang mempunyai berapa orang adik beradik?**

**SY** : *Tujuh* [7]

**MF** : **Abang anak yang ke berapa?**

**SY** : *Tiga* [3] (ketawa).

**MF** : **Apakah pekerjaan adik beradik abang sendiri?**

**SY** : Macam-macam bekerja lah, abang sulung ada dekat kampung, *pencen* [bersara]. Sekarang ada *kat* [di] kampung, berniaga,

nombor *dua* [2] di Selangor [nama negeri dalam Malaysia], pegawai polis, yang *ketiga* [3] saya, nombor *empat* [4] adik bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka, nombor *lima* [5] ada di Kelantan, nombor *enam* [6] ada di Kelantan, nombor *tujuh* [7] ada di Kelantan.

**MF : Bilakah abang Sabri mendirikan rumah tangga?**

SY : *Sembilan belas lapan puluh sembilan* [1989].

**MF : Boleh abang Sabri *bagitahu* [beritahu] sedikit, siapakah nama isteri abang?**

SY : Isteri saya Norraya Bt Yusof, arwah *ek* [ya], tahun *dua ribu tujuh* [2007], erm dia apa ni, meninggal tahun *dua ribu tujuh* [2007].

**MF : Boleh abang kongsikan sedikit, macam mana boleh berkenalan ataupun bertemu dengan *arwah* [isteri]?**

SY : *Okay* [baiklah], kami sama-sama bekerja di Dewan Bahasa Pustaka, bersama terjebak aktif dengan kegiatan-kegiatan kesenian dan kebudayaan *kat* [di] sini. Dia juga bermain teater, dia juga terlibat dengan muzik dan pameran dan sebagainya. Jadi oleh kerana selalu bersama-sama dengan dia *dak* [kan], akhirnya jadi

isteri.

**MF** : **Abang dikurniakan berapa orang *cahaya mata* [anak]?**

**SY** : *Okay* [baiklah], saya ada *tiga* [3] anak, Saidi, yang sulung nama Saidi, *dua puluh tiga* [23] tahun. Yang kedua Shamimi, *dua puluh satu* [21] tahun. Nombor tiga Syazni, *sembilan belas* [19] tahun (batuk).

**MF** : **Adakah anak abang masih dalam, masih belajar ataupun bekerja?**

**SY** : Ya, *dua* [2] masih belajar, Syazni dan Shamimi *duduk* [sedang] belajar di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa], manakala Saidi baru habis belajar, sekarang ni mencari-cari peluang, nak sambung belajar ke, nak kerja ke, masih lagi mencari-cari lah.

**MF** : ***Okay* [baiklah], berkenaan dengan hobi, apakah hobi abang pada masa lapang?**

**SY** : Sebenarnya, banyak masa lapang, tak tahu lah, saya kalau masa terluang saya menonton, saya membaca, saya menulis, *tu je lah* [itu sahaja].

**MF : *Okay* [baiklah], sebelum abang bergelar seorang insan seni, apakah cita-cita abang sebelum ni?**

SY : Saya sebenarnya tak pernah ada cita-cita, saya dibesarkan tanpa cita-cita khusus. Pengalaman di kampung, *budak-budak* [kanak-kanak], macam-macam kita buat, jadi *tidak ada* [tiada] satu cita-cita pun apa yang saya nak buat, tetapi apa yang jelas, saya tidak ada cita-cita yang, yang besar. Cuma saya lalui hidup saya, mungkin sebab saya suka sahaja. Saya suka melukis, akhirnya saya menjadi pelukis di Dewan Bahasa dan Pustaka. Daripada sini saya suka buat lakonan, ada kumpulan teater , saya terlibat dengan teater, Dewan Bahasa Pustaka, daripada teater tu terus saya kembangkan lagi kepada bidang lakonan-lakonan yang lain. Jadi saya lalu saja kehidupan saya, apa yang saya suka saya buat. Tanpa saya letak ia sebagai satu cita-cita.

**MF : Siapakah yang memberi galakan ataupun dorongan dalam abang menceburi bidang seni ini?**

SY : Sebenarnya *tak da* [tiada], sebab kita tak dilahirkan dari keluarga seni, tidak ada adik beradik, orang tua, yang terlibat dengan bidang kesenian *baik* [sama ada] seni kebudayaan negeri *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], ataupun tidak ada. Jadi, benda tu datang daripada dari awal *tu* [nya] saya suka, suka yang dulu *tu* [nya] suka tengok tv suka apa, jadi galakan secara khusus *tu* [itu]

memang *tak* [tidak] wujud, tapi tetapi apabila, macam melukis, saya datang minat sendiri. Dari *budak-budak* [kanak-kanak] saya melukis, saya melukis di laman rumah, lukis di dinding-dinding, dan sebagainya. Itu, minat tu datang dengan sendiri, dan memohon kerja tersebut antara satu seni, kemudian *seni lakon* [lakonan] mula berada di sini, Dewan Bahasa dan Pustaka, persekitaran kita, kawan, tokoh-tokoh seni dan budaya selalu ada *kat* [di] sini. Daripada situ mungkin tercetusnya lagi minat kita dan apabila kita ikut bersama dengan kumpulan-kumpulan ini, jadi galakan tu secara tidak langsung datang dari persekitaran lah.

**MF : Siapakah idola dalam hidup abang?**

**SY** : Idola sebagai apa tu?

**MF : Idola dalam bidang seni itu sendiri.**

**SY** : (batuk) *Okay* [baiklah]. saya tak tahu, saya kalau dalam bidang seni, saya suka seni sangat, jadi saya tidak meletakkan ada satu idola, kalau nak katakan contoh lukisan, saya meminati hampir semua pelukis sebab semua ada keistimewaan, kelebihan masing-masing, individu sendiri. Jadi yang ni saya minat, yang ni pun saya minat. Jadi saya *tak de* [tiada] satu-satu idola. Dalam bidang lakonan, saya suka orang ni, saya suka semua orang. Barangkali kalau orang suka semua orang kata idola tu letak macam *P.*

*Ramlee* [nama pelakon] lah, apa lah. Saya, saya suka *P. Ramlee* [nama pelakon] tapi bukan idola *kot* [rasanya] (ketawa). Tapi diantara ramai-ramai, sebenarnya saya lebih suka, kalau di zaman *P. Ramlee* [nama pelakon], pelakon yang paling saya suka adalah *S Kadarisman* [nama pelakon]. jadi kalau nak meletakkan idola, mungkin meletak *dia* [pelakon] kalau nak letak. Tetapi keseluruhan saya suka, pelawak-pelawak, pelakon-pelakon komedi semua saya suka. Saya tak kata saya suka orang ni, lebih dari orang ni sebab masing-masing ada keistimewaan masing-masing, jadi saya tidak pernah letak satu idola untuk, tapi orang yang saya suka *tu* [itu] hampir semua saya suka, sebab saya *tak da* [tiada] sebab *tak* [tidak] suka dia sebab dia ni ada kelebihan dia sendiri pada orang lain. Jadi, untuk nak mengembangkan diri kita, memajukan diri kita, baik saya suka pada semua. Pada saya, satu sebabnya bahayanya juga kalau kita letakkan sebagai idola, kita akan terpengaruh dan mungkin kita akan taksub. kita akan jadi diri dia. Jadi saya suka jadi diri saya sendiri tetapi orang-orang ini adalah orang-orang yang saya melihat perkembangan seni dia, saya melihat diri dia, macam mana saya nak letak diri saya di bawah apa nama ni-bakat yang ada pada saya yang terdahulu daripada saya, Cuma saya nak mengikuti. sebagai contoh saya, saya bukan letak sebagai idola yang kononnya jadi dia. Saya *tak* [tidak] pernah macam *tu* [begitu] sebab ada kelemahan dan kelebihan, keistimewaan dia juga ada kelemahan-kelemahan dia sendiri. Jadi kalau kita letak idola, kita macam, kita menutup

segala kelemahan dia, kita melihat dia, yang indah *je* [sahaja]

MF : **Apakah prinsip hidup abang Sabri sendiri?**

SY : Prinsip ni subjektif sebab orang boleh berubah-ubah prinsip (ketawa). Pada awalnya saya prinsip saya berbeza dengan keadaan sekarang kan, pada awal dulu saya terlibat dalam industri ni, saya masuk Dewan Bahasa, prinsip saya mudah *je* [saja], apa yang orang kata saya boleh buat, saya sanggup. Kemudian baru saya fikir apa nak buat. Kalau saya sendiri fikir saya boleh buat, mungkin saya tak kan, saya fikir-fikir saya *tak* [tidak] boleh. Kenapa saya fikir tak buat kalau saya sendiri kata saya boleh buat, jadi saya tak kan, *saya pikir-pikir* [fikir] saya kata tak boleh. Tapi kalau orang kata kau boleh buat ni? *okay* [baiklah] dia boleh buat. Itu prinsip. Tapi saya sudah berubah, ertinya saya akan buat apa yang saya pikir saya boleh buat. (ketawa). Pernah berubah. *Okay* [baiklah] jadi prinsip saya senang *je* [saja], dalam keadaan sekarang, hari ni erm saya kalau nak katakan prinsip sebenarnya saya *tak* [tidak] suka pegang-pegang satu prinsip, tapi kalau nak dikatakan prinsip, saya akan melalui *saja* [sahaja] kehidupan ini. Biar kehidupan saya mengalir saja (ketawa).

MF : **Boleh abang ceritakan sedikit sebanyak kehidupan abang sebelum bergelar anak seni?**

**SY** : *Okay* [baiklah] , saya rasa saya terlalu awal masuk dalam bidang ni. Saya daripada remaja saya cuma meminati benda-benda ni. Saya suka, saya suka tengok lakonan, saya suka membaca, saya suka, jadi benda *tu* [itu] *dah ada* [sudah ada], ada pada diri benda yang anda suka. Pekerjaan saya yang pertama, seusia *dua puluh satu* [21], saya habis sekolah *dua puluh* [20], seusia *dua puluh satu* [21] saya terus bekerja dengan Dewan Bahasa sebagai pelukis. Jadi melompat saja ke dalam dunia pelukis tu, saya sudah *duduk* [berada] dalam dunia seni dah. *Okay* [baiklah], daripada saya minat, saya telah letak dah. Jadi pada saya, dulu seni lukis ni cabang seni yang sangat luas. Dia ada perkaitan dengan semua seni. Seni yang paling tinggi sekali pada saya adalah seni lukis. Jadi saya telah *terduduk* [terlibat] dalam dunia seni paling tinggi di peringkat awal lagi. Seni lakon, seni-seni lain tu tercetus daripada idea, apa ni daripada dalam seni lukis ini. Jadi, bila dah, seperti yang saya katakan tadi saya terlalu awal saya telah *duduk* [berada] dalam, dalam dunia ni. Jadi sebelum, sebelum masuk dalam dunia ni, dunia saya dunia yang sangat kanak-kanak, dunia remaja seperti orang lain juga, penuh dengan kegilaan dan kegagalan, cuma barangkali ada jauh dalam hati dan jiwa saya iaitu minat kepada bidang seni ni.

**MF : Kenangan pahit manis abang sebelum bergelar anak seni ni.**

SY : Ini satu soalan yang amat, sukar untuk saya jawab. Saya rasa *tak de* [tiada], kenangan. Pahit dan manis tu, *dia* [kenangan ] akan jadi manis (ketawa). *Dia* [kenangan] *tak de* [tiada] pahit. Contoh ya, kalau kita sekolah dulu, kita dirotan guru, kita keluar sekolah ponteng, sekarang bila jadi kenangan ia akan manis. Kenangan *tidak ada* [tidak akan] pernah pahit, pahit ketika itu *je* [saja] (ketawa) Jadi kenangan saya lalui, kenangan manis (ketawa). Sebenarnya tidak ada kenangan pahit, kenangan tu akan jadi manis *je* [saja] (ketawa). Jadi, jadi kalau tanya apa kenangan manis, saya manis semua, semua saya lalui manis sebab itulah saya boleh hidup hari ni dengan *tak de* [tiada] masalah sebab apa semua yang saya lalui dulu saya anggap itu benda yang manis, itu benda yang penting (batuk) untuk saya, bahan cerita saya dan, dan sebagainya. Jadi, ia terlalu manis dan indah pada, sebelum saya bergelar anak seni.

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

**MF : Seterusnya saya akan bertanyakan soalan berkenaan dengan sejarah pendidikan abang Sabri sendiri. *Okay* [baiklah] , bila dan dimanakah abang Sabli, maaf abang Sabri mula mendapatkan pendidikan?**

**SY** : Saya lahir tahun *enam puluh satu* [1961], bererti umur *tujuh* [7] tahun saya tahun *enam puluh tujuh* [1967] *dop* [kan].Tahun *enam puluh lapan* [1968] *ek* [kan], saya bermula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Chepa ketika itu, selepas itu sekolah itu di tukar nama sekolah baru, Sekolah Rendah Dato' Hashim, saya berpindah ke sekolah sana darjah *lima* [5] dan *enam* [6], *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973]. Kemudian tingkatan *satu* [1] sampai *tiga* [3] di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa, kemudian *empat* [4] dan *lima* [5] saya pergi ke aliran sains di Sekolah Menengah Ismail Petra tapi disitu saya gagal. Kegagalan tu saya rasa punca daripada sebab saya minat dunia sastera, lebih dekat dengan jiwa, dan saya tak tumpu, tak belajar, kemudian saya masuk tingkatan *lima* [5] lagi sekali di, ambil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] lagi sekali di sekolah swasta, institut pendidikan di stadium bawah tangga-tangga stadium Sultan Muhammad tapi sekarang dah tak ada sekolah tu, sekolah swasta popular. Ambil kelas tingkatan

*lima* [5], tingkatan *enam* [6] disitu tahun *lapan puluh* [1980]. Jadi sampailah ke tingkatan *enam* [6], ambil *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] yang pertama sebelum itu *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran] sahaja. Kerajaan perkenalkan *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] pertama tahun *lapan puluh* [1980], saya duduk di kerusi pertama *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], tapi sampai hari ni saya tak tengok *result* [keputusan], saya tak tahu result *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya lulus ke *tak* [tidak] lulus.

MF : **Apakah mata pelajaran yang paling abang Sabri suka di waktu zaman persekolahan?**

SY : *Okay* [baiklah], saya suka *tiga* [3] saja, seni lukis, saya suka bahasa Malaysia, saya suka sejarah.

MF : **Boleh abang Sabri ceritakan mengapa *tiga* [3] subjek ni paling abang Sabri suka?**

SY : *Okay* [baiklah] , melukis kebetulan muncul dari jiwa saya, saya daripada sekolah lagi saya suka melukis. Bahasa Malaysia, sebab sebelum ini, saya ni antara yang awal membaca, *time* [masa] tu *tak da* [tiada] sekolah, sekolah tadika dan sebagainya. Masa sekolah rendah, darjah *satu* [1], darjah *dua* [2] saya cepat membaca dan sebab, sebab saya minat, jadi dari darjah *tiga* [3] saya sudah mula

membaca novel-novel besar yang abang saya pinjam di perpustakaan sekolah menengah. Saya dah baca antara novel-novel yang besar yang *Siti Nurbaya* [nama penulis novel], *Farah Rosli* [nama penulis novel], Indonesia, *Tenggelam Nya Kapal* [nama novel]. Dan daripada sini novel kita ni, novel Malaysia Indonesia, *Al Haq* [nama novel], novel-novel, *Gagak Dirimba* [nama novel], cerita kisah hidup *P. Ramlee* [nama pelakon], dan disitu saya mula suka *P. Ramlee* [nama pelakon], Saya baca *Gagak Dirimba* [nama novel], di waktu saya *kecik* [kecil] lagi apabila *Hussain* [nama penulis] tulis pasal *P. Ramlee* [nama pelakon]. Jadi saya sudah mula membaca dalam usia saya muda, darjah *dua* [2], darjah *tiga* [3]. Saya mula membaca novel-novel yang besar, jadi itu mungkin minat saya kepada bahasa Malaysia, dan sastera sekali gus. Kalau sejarah pula, saya suka cerita. Saya suka cerita, jadi cerita waktu itu, sejarah ini adalah cerita sahaja, cerita tentang tu, tentang sejarah Melaka, cerita *Hang Tuah* [nama pahlawan zaman Melaka], jadi sejarah ni adalah cerita, jadi saya suka cerita, jadi barangkali sebab lingkungan inilah membuatkan saya tertarik kepada *tiga* [3] subjek ini.

MF : **Semasa alam persekolahan abang Sabri sendiri, adakah abang Sabri turut terlibat aktif dalam bidang kokurikulum?**

SY : *Tak der* [tiada] sangat. Pada masa itu *tak der* [tiada] sangat benda-benda pasal kokurikulum pada zaman itu. Tapi adalah persatuan

seperti persatuan Bahasa Malaysia, tapi terus-terang saya *tak* [tidak] aktif semua. Saya aktif sukan pada masa itu. Saya *tak* [tidak] minat kokurikulum. Saya pernah menjadi kadet polis, tetapi untuk *satu* [1] tahun sahaja. Tahun kedua saya dibuang (ketawa). Untuk terlibat dengan persatuan kokurikulum ini macam Persatuan Seni Lukis ke, Persatuan Bahasa Malaysia ke, ianya adalah benda yang saya *tak* [tidak] suka kerana saya *tak* [tidak] suka persatuan sebab saya tidak suka komitmen. Saya lebih suka *free* [bebas]. Sampai sekarang pun saya masih tidak suka menyertai persatuan. Jadi, oleh kerana itu saya tidak aktif dengan persatuan-persatuan di sekolah. *Tak* [tidak] pernah ada. Tapi saya pernah cuba buat persembahan di sekolah semasa saya tingkatan *enam* [6]. Kalau kegiatan-kegiatan seni seperti ini, saya pernah terlibat dari sekolah rendah lagi. Saya pernah buat persembahan di sekolah sempena hari guru. Cikgu serahkan pada saya dan kawan-kawan. Di sekolah menengah pula saya terlibat dengan pementasan. Itu yang saya suka. Kokurikulum dan persatuan saya tidak suka.

MF : **Siapakah teman ataupun kawan karib abang Sabri di zaman persekolahan dahulu?**

SY : *okay* [baiklah]. Saya banyak sekolah (ketawa). Jadi setiap sekolah saya ada kawan. Tapi sebenarnya saya ini berkawan ramai. Saya rasa antara satu keistimewaan saya adalah suka berkawan dan

disenangi. Daripada sekolah rendah lagi saya berkawan ramai. Masuk sekolah menengah pun kerja saya berkawan sahaja. Saya banyak lebihkan kawan daripada hal lain. Tapi kalau nak bercakap tentang kawan karib, saya mempunyai terlalu banyak kawan karib. Ketika ini, itu kawan karib. Ketika itu, ini kawan karib. Jadi, semua tempat saya ada kawan karib dan semua orang adalah kawan yang rapat dengan saya. Kalau ada kawan karib yang saya boleh ceritakan pun, dia dah *arwah* [meninggal dunia] dah sekarang ini. Kawan semasa Sekolah Menengah Pengkalan Chepa. Namanya Nasir Ibrahim, budak *Sabak* [nama kampung]. Dia adalah antara orang yang sangat rapat dengan saya kerana jarak antara rumah dia dan rumah saya agak jauh dan saya pernah tidur di rumah dia. Dia pun pernah tidur di rumah saya. Pada masa itu, saya rasa terlalu akrab dengan dia. Selepas itu, semasa di tingkatan *enam* [6], saya ada seorang lagi kawan di *PCB* [Pantai Cahaya Bulan], namanya Hasan Deraman. Sekarang dia bekerja di *PKNK* [nama organisasi di Kelantan] Kelantan. Itu antara yang karib dengan saya. Tetapi yang lain juga adalah karib dengan saya. Rapat dengan saya. Kalau saya ada *sepuluh* [10] orang kawan, kesemua *sepuluh* [10] orang itu adalah karib dengan saya sebab saya memang suka berkawan. Saya *tak* [tidak] pernah bergaduh dengan kawan. Siapa yang pernah berkawan dengan saya, saya tidak pernah bergaduh dengan mereka. Saya tidak suka bergaduh dengan kawan. Sebab itu kawan-kawan rapat dengan saya. Semua rapat. Saya tidak pernah memilih untuk berkawan

dengan sesiapa. Saya berkawan dengan hampir semua orang. Apa jenis kawan pun. Tidak kira buruk atau baik, semua akan jadi kawan saya (ketawa).

**MF : Adakah abang masih berhubung dengan kawan–kawan sekolah?**

SY : Ya, masih lagi. Tambah-tambah lagi pada zaman ini *pulak* [pula] ada *FB* [facebook] [laman sosial], ada *group* [kumpulan]. Ada satu ketika, kami *tersenggang* [terpisah] lama, tetapi *tiga* [3] tahun kemudian ini, bila kami buat alumni sekolah dan sebagainya, kami rapat *balik* [semula]. Walaupun *tak* [tidak] ramai kerana ada yang telah meninggal dan ada yang *duduk* [tinggal] jauh, tetapi untuk yang ada sekarang, kami berhubung balik. Rasa macam perhubungan itu seperti zaman sekolah dahulu. Masih rasa macam itu.

**MF : Pada pendapat abang sendiri, apakah perbezaan diantara sistem pendidikan dahulu dengan sekarang?**

SY : *Okay* [baiklah]. Kalau nak tanya tentang perbezaan, saya betul-betul minta maaf sebab saya tidak tahu tentang sistem pendidikan sekarang (ketawa). Sangat berbeza. Saya tidak tahu perbezaan dahulu dan sekarang. Yang dahulu saya pernah lalui, tetapi yang sekarang ini saya tidak tahu. Anak-anak saya punya sistem

pelajaran pun saya tidak tahu. Saya nak ajar mereka pun saya tidak tahu. Sistem sudah sangat berubah. Tapi saya percaya bahawa semakin lama, sistem semakin bagus. Sudah tentu sistem diubah untuk menjadi lebih bagus. Jadi saya rasa sudah tentu sistem sekarang lagi bagus berbanding dengan sistem yang *tiga puluh* [30] tahun dahulu (ketawa). Tidak mungkin mereka mengubah sistem tersebut kalau *tak* [tidak] bagus. Jadi saya percaya sistem pendidikan sekarang semakin bagus dan budak semakin ramai dan pandai. Saya tengok budak-budak semakin bijak kerana sistem itu sendiri barangkali. Pada zaman saya dahulu tidak banyak pelajar yang nak dapatkan maklumat dan sebagainya tetapi sekarang telah berubah. Zaman dahulu pelajar yang betul-betul kena berusaha sendiri tetapi sekarang ini tidak susah seperti zaman dahulu. Di rumah mereka dapat segala benda. Dengan hanya menggunakan laptop sahaja, segala benda mereka akan dapat. Jadi, daripada itu kita nampak yang sistem sekarang semakin bagus, semakin senang nak belajar.

**BAHAGIAN 3: PENGALAMAN TOKOH**

**MF** : **Seterusnya, saya akan beralih soalan berkenaan pengalaman hidup abang Sabri sendiri. Sebelum bergelar anak seni, adakah abang Sabri ada membuat pekerjaan lain?**

**SY** : *Tak der* [tidak ada]. Saya sebenarnya bermula dengan seorang pelukis di Dewan Bahasa dan Pustaka ini. Dewan Bahasa dan Pustaka ini adalah borang pertama yang saya isi untuk bekerja dan saya terus dapat. Apabila sudah dapat, saya terus bekerja dalam bidang seni lukis dan itu adalah bidang seni. Jadi daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, saya terus berkembang selama *sebelas* [11] tahun. Selepas itu saya terus berhenti dan meneruskan *career* [kerjaya] sebagai seorang pelakon. Saya mula berlakon sewaktu saya berada di Dewan Bahasa dan Pustaka lagi. Saya masuk ke Dewan Bahasa dan Pustaka semasa umur *dua puluh satu* [21] tahun dan pada umur *dua puluh empat* [24] tahun saya sudah mula bermain teater dan sudah mula kenal dunia berlakon. Banyak teater yang saya terlibat dan sudah terlibat dengan berlakon *TV* [televisyen] dan sebagainya sehingga *sebelas* [11] tahun. Selepas itu saya berhenti berlakon dan sebagainya dan memulakan *freelife* [hidup bebas] dan meneruskan kerjaya berlakon sepenuh masa sampai sekarang.

**MF : Seperti yang kita tahu, abang Sabri banyak terlibat dalam bidang lakonan, teater, drama dan pementasan. Jadi, boleh saya tahu dari mana abang Sabri belajar ilmu berkenaan dengan lakonan dan teater ini?**

SY : *Okay* [baiklah]. Seperti yang saya bagi tahu pada awal tadi, ada kawan saya yang dah terlibat dengan teater dan mengarah teater. Mereka tengok saya boleh berlakon. Selepas itu, saya terus bermula berlakon. Pelajaran saya semuanya tidak secara formal. Apa pun yang saya buat pada hari ini, semuanya saya belajar secara tidak formal. Saya belajar setelah menceburi bidang ini. Seperti dengan bidang melukis. Saya mula melukis dengan kemampuan semasa sekolah sahaja dan apabila masuk ke sini baru saya belajar mengenal garis dan strok. Pada zaman sekolah dahulu tidak diajar apa itu strok dan garis. Jadi, saya belajar semua ini setelah bekerja. Untuk seni lakon, "okay Long, terima kasih" (perbualan dengan rakan), saya belajar sambil bekerja. Semasa itu baru saya belajar apa itu lakonan dan rasanya pengalaman-pengalaman itulah yang membentuk peribadi saya dalam dunia lakonan ini.

**MF : Adakah keluarga, mungkin anak-anak abang Sabri turut memberi sokongan sepanjang kegiatan abang dalam bidang ini?**

SY : Ya, saya rasa mereka turut memberi sokongan ini adalah sebab tiada pilihan, kerana apa yang mereka boleh pilih untuk tidak menyokong (ketawa). Jadi, dalam konteks itu, rasanya sokongan yang diberi itu kerana mereka tiada pilihan untuk berkata tidak . jadi, saya tidak tahu sejauh mana sokongan mereka. Tetapi, melihat daripada anak-anak juga turut bangga dan suka dengan saya, itu pun sudah jadi sokongan kepada saya. Jadi saya rasa sokongan itu saya dapat dari semua pihak iaitu anak-anak, adik-beradik dan juga keluarga. Saya rasa saya dapat sokongan.

**MF : Antara banyak-banyak bidang seni, apakah bidang seni yang paling utama abang fokuskan?**

SY : *Okay* [baiklah]. Sekarang ini saya melalui fasa-fasa yang tertentu dalam bidang ini. Fasa pertama saya melukis, fasa kedua saya bermain teater, fasa ketiga saya berlakon drama *TV* [televisyen], fasa keempat saya menjadi komedi, fasa kelima saya mengarah sambil menulis skrip dan sebagainya. Itu adalah fasa-fasa yang saya lalui. Jadi, fokus saya adalah bergantung kepada fasa mana yang saya berada pada ketika itu (ketawa). Sekarang ini saya lebih

banyak kepada pengarahan. Jadi, mungkin fokus saya sekarang ini kepada pengarahan dan juga lakonan dan penulisan. Tapi kalau bertanya tentang bidang seni apa yang saya paling banyak lalui, saya rasa yang paling besar dan paling hebat, saya letak seni lukis. Tapi seni lukis adalah satu *target* [sasaran] untuk saya mengakhiri kerjaya saya. Saya bermula dengan seni lukis dan akan berakhir juga dengan seni lukis. Lakonan, arahan, penceritaan, semuanya ada dalam sekeping gambar. Jadi, saya rasa bidang seni yang paling besar bagi saya adalah seni lukis. Saya terlibat dengan dunia kesenian, tradisional dan sebagainya. Saya rasa fokus saya tidak ada tapi ketika saya buat sesuatu, semua saya fokus.(ketawa)

MF : **Dalam bidang kesenian ini, adakah abang Sabri bekerja di bawah syarikat atau organisasi tertentu ataupun bergerak secara sendiri?**

SY : *Okay* [baiklah]. Selepas saya keluar dari Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun *1993* [sembilan belas sembilan puluh tiga], saya sudah *freelife* [hidup bebas]. Saya bergerak secara sendiri dan tidak terikat dengan mana-mana pihak. Saya pernah di *offer* [ditawarkan] dengan mana-mana *company* [syarikat] tetapi saya keluar dari *DBP* [Dewan Bahasa dan Pustaka] untuk tidak terikat. Jadi sampai sekarang saya tidak terikat. Saya bebas bergerak dan menerima mana-mana *offer* [tawaran] serta tidak terikat dengan

mana-mana *company* [syarikat].

MF : **Adakah abang Sabri mempunyai kerja sampingan selain daripada bidang seni?**

SY : Oh, *tak* [tidak] ada. Selepas saya berhenti daripada Dewan Bahasa dan Pustaka saya tidak buat kerja apa-apa dan inilah kerja yang saya lalui. Saya rasa saya *tak* [tidak] mampu nak berniaga atau apa saja sebab bukan semua orang boleh buat benda macam itu. Sebab itu saya buat apa yang saya boleh buat, benda yang saya tahu, bidang yang saya tahu, saya terokai sedalam-dalamnya daripada saya buat apa yang saya tidak tahu. Dalam bidang seni lakon pun banyak lagi yang saya tidak terokai. Contohnya kalau berlakon, orang fikir berlakon sahaja, tetapi kalau kita cuba pergi lebih jauh, di sekitar lakonan itu ada penulisan skrip. Kalau berlakon sahaja adalah rugi. Jadi saya teroka penulisan skrip, saya teroka pengarahan dan kita boleh juga teroka untuk buat set, buat *props* [peralatan lakonan] dan penata seni. Jadi banyak lagi dalam bidang ini yang harus diterokai. Kalau nak berniaga pun berniaga dalam bidang ini juga. Contohnya produser. Kita sediakan *props* [peralatan lakonan] dan set dalam bidang ini. Bidang ini sebenarnya mempunyai cabang yang lagi luas. Kalau saya nak kerja lain pun, saya tetap akan kekal dalam bidang ini dan saya tidak akan buat bidang lain sebab itu bahaya kerana itu bukan

bidang kita (ketawa).

MF : **Abang ada terlibat dalam lakonan, drama atau filem. Boleh abang beritahu apakah nama drama pertama lakonan abang?**

SY : *Okay* [baiklah]. Drama *TV* [televisyen] pertama lakonan saya ialah *Arman Di Lorong Tua* [nama drama] arahan *Osman Haji Zainuddin* [nama pengarah] dan skrip oleh beliau juga. Sebenarnya, skrip drama itu adalah skrip drama pentas. Drama pentas itu saya yang mengarah tetapi bila dibuat keluar melalui *TV* [televisyen], penulisnya sendiri yang mengarah dan saya cuma berlakon sahaja. *Arman Di Lorong Tua* [nama drama], itu drama *TV* [televisyen] saya yang pertama. *Okay* [baiklah]. Selepas itu, sitkom saya yang berjudul *SYY* [nama sitkom] iaitu judul asal untuk *Pi Mai Pi Mai Tangtu* [nama sitkom]. Itu antara dua drama yang awal, satu drama serius dan satu drama komedi.

MF : **Berdasarkan sumber yang kami perolehi, abang turut aktif dalam bidang pengacaraan. Boleh abang senaraikan antara program yang pernah abang acarakan?**

SY : *Okay* [baiklah]. Dalam pengacaraan ini sebenarnya tidak banyak program-program yang ditayangkan di *TV* [televisyen]. Saya lebih membuat pengacaraan di luar *TV* [televisyen] seperti program-program *Dinner Show* [pertunjukkan makan malam], program-

program *Family Day* [hari keluarga] dan sebagainya. Itu yang membentuk saya diluar atau tempat saya cari makan di luar. Untuk program *TV* [televisyen] tidak banyak, saya pernah buat program *Teka Sedia Singa* [nama program televisyen] di *TV* [televisyen] *RTM* [Radio Television Malaysia]. Sebelum saya bermula jadi pengacara di situ iaitu *dua* [2] musim sebelum itu, saya menjadi tenaga panel dibelakang untuk menyediakan soalan untuk program tersebut. Musim ketiga baru saya mengacara program itu. *Okay* [baiklah]. Sebenarnya pengacaraan *TV* [televisyen] ini pada masa itu tidak seperti sekarang. Sekarang ini jika kita lihat pengacara *TV* [televisyen] sudah mula bebas untuk bermain dialog dan kata-kata. Bahasanya tunggang-langgang tetapi orang dah boleh terima. Tetapi pada masa dahulu, pengacara harus betul-betul menjaga benda-benda tersebut. Tidak boleh buat silap. Ketika itu, saya rasa tidak sesuai dengan saya. Saya banyak kena jaga sedangkan dekat luar kita lebih bebas. Tapi pengacara sekarang sudah mula boleh bebas. Jadi saya tidak suka terikat (ketawa).

MF : **Seperti yang kita tahu, abang Sabri merupakan anak jati *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia]. Adakah abang pernah terlibat dalam mana-mana drama ataupun filem yang mengetengahkan unsur-unsur budaya negeri *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia]?**

SY : Banyak, banyak sangat. Yang saya terlibat sebagai pelakon dan yang saya buat sendiri. Yang pertama untuk filem, kalau masih ingat ialah filem *Jogho* [tajuk filem] arahan *Juwe* [nama pengarah]. Itu filem yang saya rasa filem pertama yang menggunakan pertuturan dan dialog seratus-peratus dialek Kelantan [nama negeri dalam Malaysia]. Kalau tengok *Pi Mai Pi Mai Tangtu* [nama sitkom] sendiri pun saya membawa watak yang mengetengahkan dialek *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia]. Dalam *Pi Mai Pi Mai Tangtu* [nama sitkom] adalah yang paling awal dialek *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], digunakan di dalam *TV* [televisyen] secara berterusan. Kalau sebelum ini ada watak-watak kecil tetapi dalam *Pi Mai Pi Mai Tangtu* [nama sitkom], ianya satu watak yang berterusan sehingga bertahun-tahun di *TV* [televisyen]. Jadi inilah sebenarnya titik mula dialek *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], tidak dilihat sebagai satu dialek yang ganjil dan pelik bagi seluruh Malaysia. Sebelum ini dialek-dialek *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], kalau digunakan di luar, orang rasa tidak suka, tidak senang dan merasa pelik. Tetapi bila saya memulakan di *TV* [televisyen] secara berterusan, orang boleh menerima dan suka. Akhirnya di luar pun orang sudah tidak merasa pelik lagi kalau orang bercakap *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], sebab kita dah popularkan di *TV* [televisyen]. Jadi, itu satu benda yang pertama saya buat. Seterusnya, drama-drama yang saya gunakan dialek *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], sepenuhnya adalah satu

drama yang berjudul *Tali* [tajuk drama]. Itu karya orang lain, arahan orang lain, saya hanya berlakon untuk *RTM* [Radio Television Malaysia]. Kemudian saya buat sendiri, iaitu drama *Sorok Bau Budu* [tajuk drama] untuk *Astro* [nama stesen penyiaran swasta]. Saya buat sendiri skrip dan mengarahnya dan *Sebuah Piala Seekor Kambing* [nama drama]. Drama itu bukan sahaja mengangkat dialek tetapi saya telah masuk ke dalam akar budaya orang *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia]. Budaya kehidupan, akal fikiran orang *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], sendiri. Jadi, dari situ sudah banyaklah. Sebelum ini ada orang luar cuba buat dialek *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], tapi ianya hanya sekadar dialek sahaja tetapi soal kehidupan dan latar budaya itu sendiri dia tidak *angkat* [ketengahkan]. Mungkin itu kemampuan dia. Itu punca saya cuba buat *Sorok Bau Budu* [tajuk drama] yang pertama sebab saya tidak suka tengok bila orang lain buat cerita tentang *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], tetapi tidak *masuk* [sesuai] (ketawa).

**MF : Boleh abang kongsikan sedikit tentang kisah jatuh bangun abang sepanjang bergelar anak seni?**

**SY** : *Okay* [baiklah]. *Alhamdullilah* [ucapan syukur untuk orang Islam], saya rasa saya antara anak seni yang tuhan sayang sebab saya tidak

banyak *jatuh* [gagal]. *Alhamdullilah* [ucapan syukur untuk orang Islam], setakat ini saya bersyukur. Saya rasa saya boleh terus dan tidak menoleh ke belakang lagi cuma ada satu ketika dulu, semua orang terlibat iaitu zaman ketika ekonomi kita jatuh dan banyak program-program ditutup. Ketika itu sahaja. Tetapi pada ketika itu, ramai artis-artis yang menganggur dan tidak bekerja sebab program *TV* [televisyen] banyak dibatalkan dan program *TV* [televisyen] banyak yang orang tidak buat, *TV* [televisyen] ulang cerita sama kerana nilai duit kita jatuh ketika itu. Oleh sebab itu, banyak program yang tidak dibuat dan artis ramai yang berniaga dekat luar selama *dua* [2] tahun. Tapi saya ketika itu, bila berlaku keadaan seperti itu, saya pergi ke padang dan saya buat *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan]. Itu kali pertama saya buat *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan]. Jadi saya turun ke padang setiap hari untuk buat dikir barat di Kelantan selama *satu* [1] bulan. Jadi, walaupun zaman ekonomi jatuh, dan tiket *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan] tidak mahal sekitar *RM3* [tiga ringgit] hingga *RM4* [empat ringgit], jadi orang *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia]. masih mampu. Saya masih mampu menerima bayaran *RM1000* [seribu ringgit] untuk satu malam. Jadi, semasa zaman kegawatan ekonomi itu, rezeki saya berterusan kerana saya beralih daripada *TV* [televisyen] yang tidak ada program saya bertukar kepada *live* [langsung] di padang. Jadi saya rasa tiada masalah. Cuma, terasanya adalah tidak boleh hidup mewah sahaja. Tapi dari segi kehidupan, sebelum itu

pun saya agak beruntung kerana saya tidak mengamalkan gaya hidup mewah. Jadi saya tiada masalah ketika itu sebenarnya. Kemudian, selepas *orang rumah* [isteri] saya sakit dan meninggal dunia pada tahun *dua ribu tujuh* [2007] , saya tidak muncul di *TV* [televisyen]. Masa itu, saya sendiri yang banyak menolak. Saya tidak buat komedi selama *tiga* [3] hingga *empat* [4] tahun dan seperti menghilangkan diri tetapi di sebaliknya saya bekerja di belakang, sehingga orang tidak nampak. Orang fikir saya saya sudah menghilang. Saya muncul kembali pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010] sebagai pengarah. Tetapi sebenarnya saya banyak buat kerja-kerja di belakang yang lain, cuma saya tidak muncul sebagai *performer* [pelakon] dekat *TV* [televisyen] sahaja.

**MF : Bidang seni adalah bidang yang mencabar. Dari mana abang mendapat semangat untuk terus berjaya dalam bidang seni ini?**

SY : *Okay* [baiklah]. Memang bidang ini mencabar sebab cabarannya adalah kerja seni adalah kerja yang dinilai walaupun tiada langsung orang tengok perkembangannya macam mana nak buat. Jadi ini satu pekerjaan yang orang akan sentiasa melihat yang terbaik dan tidak statik. Kalau benda lain orang nilai macam itu sahaja. Kalau kita kerja kerani, tiada orang nilai kita, hanya *boss* [ketua] saja yang menilai tetapi bidang seni ini kita dinilai oleh pasaran. Jadi, untuk nak sentiasa berada di pasaran ini, kita kena kekalkan

kemampuan kita, kebolehan kita dan keupayaan kita dan kita mesti lebih meningkat. Memandangkan semua benda itu, itulah yang saya cuba buat. Saya tidak statikkan diri saya. Saya cuba bina diri saya, mencari kemampuan, mencari kepakaran apa lagi yang saya ada. Daripada situ baru kita berkembang dan kekal. Yang penting bagi saya, dalam bidang seni adalah pemikiran. Kalau kita statik pemikiran kita, kita akan dekat situ sahaja. Pemikiran yang akan kekalkan kita. Benda lain tidak akan kekalkan kita. Jadi, untuk nak kekal dalam bidang ini, saya mesti sentiasa berfikiran lebih baik. Itu sahaja.

**MF** : **Bagaimana jadual kehidupan harian abang Sabri sebagai insan seni?**

**SY** : Sebenarnya orang yang kerja macam saya ni jadual dia tidak menentu. Tidak boleh nak jadualkan keluar pagi dan balik pukul berapa. Jadual kita amat tidak menentu. Kita boleh jadi *dua puluh empat* [24] jam dan bergantung pada kerja. Kita mesti selesaikan kerja kita. Jadual itu hari-hari akan ada saja. Contohnya, hari ini pukul *lapan* [8] malam ada orang *call* [menelefon], saya nak jumpa di kedai *mamak* [sejenis restoran yang dimiliki oleh india muslim]. Jadi, keluar pukul *lapan* [8] malam ke kedai *mamak* [sejenis restoran yang dimiliki oleh india muslim] itu sudah menjadi pekerjaan. Duduk berbincang tentang projek dan *tiga* [3] bulan kemudian projek tidak jadi, tetapi itu adalah kerja saya, walaupun

ianya tidak menjadi. Memandangkan suasana seperti itu bererti jadual saya amat tidak menentu. Hari-hari mungkin ada kerja seperti yang kita jumpa hari ini untuk wawancara ini, ianya sudah termasuk menjadi kerja saya walaupun ianya tidak termasuk dalam jadual saya. Ini adalah satu sumbangan saya terhadap kerja saya. Jadi, jadual saya tidak boleh nak tentukan. Tetapi bangun pagi akan ada sahaja temujanji walaupun kadang-kadang tidak ada apa-apa pun dan hanya menghabiskan duit sahaja.

**MF** : **Bagaimana abang membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?**

**SY** : *Okay* [baiklah]. Hal ini berlalu dengan begitu sahaja tanpa kita rancang. Keluarga pun sudah tahu dan memahami perjalanan kerjaya saya. Jadi tidak ada banyak tuntutan dan anak-anak memahami saya. Tetapi saya mengamalkan begini sahaja. Dalam satu minggu mungkin saya tidak ada banyak masa untuk anak-anak. Mungkin malam sahaja dan mungkin siang sahaja. Mungkin dalam satu hari itu saya keluar rumah *lima* [5] minit sahaja ataupun mungkin tidak balik untuk *dua* [2] hingga *tiga* [3] hari tetapi saya pastikan setiap masa bersama dengan anak-anak walaupun *lima* [5] minit adalah *lima* [5] minit yang berharga. Walaupun sekejap, tetapi ada benda dan terasa ada sesuatu. Namun kalau nak bagi yang sempurna memang tidak boleh. Kalau nak rancang masa untuk anak-anak memang tidak boleh kerana

saya akan langgar semua itu.

**BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN TOKOH**

**MF : Soalan seterusnya berkenaan pencapaian abang Sabri sepanjang bergelar anak seni. *Okay* [baiklah]. Bolehkah abang ceritakan sedikit sebanyak tentang pencapaian peribadi abang dalam bidang seni ini?**

**SY** : Setakat ini, saya bersyukur sebab saya ada beberapa pengiktirafan yang saya terima untuk anugerah dan itu satu pencapaian yang nampak dan saya merasa. Dalam bidang komedi, saya dah dapat banyak juga anugerah. *Enam* [6] anugerah untuk bintang popular, *satu* [1] Komedi Angkasapuri, Anugerah Seri Angkasa *satu* [1] dan saya dapat daripada *Astro* [stesen penyiaran swasta] satu anugerah iaitu Lawak Warna Komedi. Jadi, *Alhamdullilah* [ucapan syukur orang islam] saya dah dapat pegang anugerah daripada ketiga-tiga stesen. Untuk bakat baru yang saya jaga juga mendapat anugerah tempat ketiga untuk kumpulan *Titans* [nama kumpulan] dalam *Bintang Mencari Bintang* [rancangan realiti televisyen] dan saya mendapat anugerah tempat ketiga sebagai tenaga pengajar. Kemudian saya dapat anugerah sebagai penulis skrip untuk anugerah skrin dan mendapat anugerah untuk pengarahan terbaik dan drama itu dipilih sebagai drama terbaik anugerah skrin. Itu benda yang membanggakan saya kerana itu benda pertama yang saya buat. Kemudian drama *Hari-Hari*

*Terakhir Seorang Seniman* [tajuk drama] saya mendapat pelakon terbaik. Kemudian drama itu juga dibawa ke penilaian Anugerah *Malaysia Digital Award* [nama anugerah] dan telah mendapat sebagai telefilem terbaik untuk anugerah itu. Itu satu pencapaian yang nampak. Tapi pencapaian secara peribadi bagi saya walaupun tidak mendapat apa-apa anugerah tapi yang paling saya seronok adalah saya mengarah dan menulis skrip untuk arahan pertama saya untuk *Sanggul Beracun* [tajuk drama]. Drama itu menang dan itu yang orang nampak. Pencapaian saya yang saya rasa sendiri ialah benda pertama yang saya cuba, benda pertama yang saya buat, saya dapat menghabiskan kerja itu. Sebab ada orang yang tidak boleh siap kerja seperti itu. Bila saya dapat siap menulis, siap mengarah dan siapkan drama itu, itu adalah satu pencapaian yang besar bagi saya dan *Alhamdullilah* [ucapan syukur untuk orang islam], kerja yang disiapkan itu juga telah menang. Tapi itu soal lain kerana bagi saya, menyiapkan kerja adalah satu pencapaian.

**MF** : **Apakah anugerah ataupun pengiktirafan yang paling tinggi yang pernah abang capai?**

**SY** : Itulah, yang saya ceritakan tadi. Itu sahaja.

**MF** : **Dalam usaha memperoleh anugerah tersebut, boleh abang ceritakan sedikit tentang halangan sebelum mencapainya.**

**SY** : Sebenarnya tidak ada halangan. Kalau kita yakin dengan apa yang kita buat dan jujur dengan kerja kita, maka tidak ada halangan. Yang menjadi halangan adalah diri kita sendiri. Selalunya diri kita sendiri yang menghalang kita. Kegagalan sebab diri kita sendiri. Saya rasa tidak ada halangan sebab masalah-masalah sekitar itu adalah perkara biasa. Kita tidak meletakkannya sebagai halangan kita kerana tidak ada satu benda pun yang kita tidak akan jumpa halangan. *Insyaallah* [dengan izin Allah].

**MF** : **Soalan seterusnya berkenaan dengan sumbangan abang dalam bidang seni *tanah air* [Malaysia]. *Okay* [baiklah]. Adakah abang mempunyai anak didik dalam bidang seni?**

**SY** : Secara tidak langsung, kita tengok dalam *Maharaja Lawak* [nama program realiti televisyen] yang pertama, saya sebagai tenaga pengajar dan secara tidak langsung mereka telah menjadi anak didik saya dan daripada situ kita melahirkan satu generasi komedi atau lawak yang ada pada masa sekarang ini. Saya berbangga walaupun mereka naik jauh berbeza dari segi kehidupan mereka. Tuntutan pada zaman ini agak besar pada lawak. Taraf mereka sudah berbeza, sudah setanding dengan taraf penyanyi. Saya rasa, secara peribadi saya berbangga kerana saya meletakkan tangan

saya pada yang pertama. Walaupun saya tidak akan dapat macam mereka sebab zaman saya sudah berlalu. Jadi saya meletakkan satu keistimewaan mereka itu sebagai satu tanda aras bagi saya dan tenaga pengajar yang lain bagi mengubah industri itu sendiri. *Okay* [baiklah]. Yang keduanya ialah apabila saya terlibat dengan *Bintang Mencari Bintang* [nama program realiti televisyen] iaitu dengan kumpulan *Titans* [nama kumpulan]. Walaupun mereka tidak mendapat tempat yang pertama, tapi saya tahu yang mereka memang dari awal lagi tidak akan mendapat tempat yang pertama sebab mereka ini ada kelebihan yang lain. Saya berasa berbangga kerana saya dapat *baca* [menyedari] benda itu, apa keistimewaan yang ada pada *anak buah* [anak murid] saya dan apa kekurangan mereka dan saya dapat menolak kekurangan dan saya mengangkat keistimewaan mereka sahaja. Saya bagi mereka satu bentuk komedi yang lain dari yang lain. Orang akan nampak kumpulan *Titans* [nama kumpulan] lain dari yang lain. Ianya adalah satu benda yang besar daripada orang lain. Ini kerana saya tolak kekurangan mereka dan mengambil keistimewaan mereka sendiri. Jadi, secara tidak langsung, saya telah membuka satu peluang yang lain dalam bentuk komedi. Jadi ianya adalah satu pencapaian yang saya suka dan sekarang ini mereka berdua telah berjaya dalam konteks yang lain iaitu konteks sebagai pengacara dan konteks sebagai pelakon dan sebagainya. Walaupun mereka tidak jauh dalam bidang komedi, tetapi nilai-nilai *human* [kemanusiaan] itu ada dalam konteks yang lain pun. Begitu juga dengan sekarang

ini, benda pertama yang dimulakan ialah *School Of Lawak* [nama program realiti televisyen]. Saya juga terlibat untuk mendidik mereka. Itu juga satu sumbangan peribadi yang saya banggakan. Selain daripada itu juga, ada *dua* [2] benda besar yang saya buat, macam yang saya kata awal-awal lagi bagaimana saya meletakkan dialek *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], dalam satu watak yang berterusan sehingga menjadi popular. Itu sebenarnya sumbangan yang paling besar sekali daripada yang lain-lain. Sebenarnya, pada masa itu, saya dengan kelemahan saya datang ke *KL* [Kuala Lumpur] ini nak bercakap macam orang sini agak susah. Itu adalah kelemahan saya tapi saya meletakkan kelemahan itu sebagai satu kekuatan. Saya tidak boleh *bercakap luar* [berbahasa buku] adalah satu kelemahan dan saya buat itu sebagai satu senjata dan ianya menjadi. Yang kedua apabila saya membuat *Karoot Komedia* [nama program realiti televisyen] di *Astro* [nama stesen penyiaran swasta], saya rasa saya suka sebab saya dapat kembangkan *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan] walaupun saya bukan *pendikir* [penyanyi] yang sebenar. Saya bukan seorang *pendikir* [penyanyi] yang belajar yang ada asas macam yang saya kata pada awal-awal tadi yang saya buat segala benda saya tidak belajar. Saya buat saja benda itu kerana minat. Tapi antara *pendikir-pendikir* [penyanyi-penyanyi] yang ada di kelantan [nama negeri dalam Malaysia], saya antara yang diluar kelompak *pendikir* [penyanyi]. Saya bukanlah orang yang berdikir tetapi saya hanya orang yang mengambil kesempatan ke

atas dikir sahaja untuk diri saya sendiri. Saya mempunyai kemampuan berdikir yang minima, tetapi saya menggunakan semaksima yang mungkin. Itulah beza saya dengan *pendikir* [penyanyi] *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia]. Itu peluang saya untuk mengangkat dikir di *TV* [televisyen] Mereka mungkin tidak mendapat peluang itu. Jadi ada peluang itu, saya gunakan sebaik-baiknya atas dasar pandangan saya pada ketika itu, dikir *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia], dah mula menurun kerana dikir tidak berubah sedangkan di *Singapura* [nama negara] ketika itu dikir sudah besar kerana *Singapura* [nama negara] ambil dari kita dan benda itu diubah menjadi cantik. Jadi antara *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia]. dan *Singapura* [nama negara], *Singapura* [nama negara] makin besar. Saya mengambil kira dari situ walaupun saya tidak terlibat dalam dunia *pendikir* [penyanyi], tetapi kerana jiwa saya terlalu kuat, sayangkan benda ini, dan mengetahui *Singapura* [nama negara] lebih kuat, jadi saya mengambil peluang ini untuk memulakan di *TV* [televisyen] supaya rakyat Malaysia semua tahu yang dikir adalah hak kita. Sekarang ini semua budak-budak suka dan seluruh Malaysia tidak kira negeri mana sekalipun juga suka *Karoot Komedia* [nama program realiti televisyen] itu dibuat. Apabila *Singapura* [nama negara] beli program tersebut, itu membuatkan saya cukup bangga. Kalau nak dikatakan itulah perjuangan saya secara senyap, saya bersendirian. Seperti saya bawa dialek *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia]. dalam *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*

[nama sitkom] iaitu saya bersendirian. Saya tidak perlu orang yang ramai pun. Selama ini saya buat pun saya tidak perlu orang yang ramai seperti persatuan-persatuan. Biarlah mereka nak buat apa pun dengan cara mereka, saya berjuang dengan cara saya.

**MF** : **Adakah abang terlibat secara aktif dengan segala program yang Istana Budaya ataupun Dewan Bahasa dan Pustaka anjurkan?**

**SY** : Tidak juga sebab tidak semua kita terlibat. Tapi pernah terlibat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka daripada tahun *sembilan belas lapan puluh empat* [1984] sampai saya berhenti dan selepas berhenti pun saya masih lagi ada buat kerja-kerja untuk Dewan Bahasa dan Pustaka seperti teater dan sebagainya dan dengan Istana Budaya pun tidak semua saya boleh terlibat. Tapi saya pernah terlibat dengan Istana Budaya untuk teater-teater yang besar, persembahan kesenian pun ada dan persembahan hiburan pun ada iaitu dalam bentuk genre pentas pun saya pernah buat juga di Istana Budaya. Ketika saya bekerja dahulu, hampir kesemuanya saya terlibat.

## BAHAGIAN 5: PANDANGAN DAN PENDAPAT TOKOH

**MF : Soalan seterusnya berkenaan dengan pandangan, pendapat ataupun harapan abang berkenaan dengan bidang seni ini sendiri. Okay [baiklah]. Apakah perancangan masa depan abang dalam bidang seni ini?**

SY : Seperti yang saya *bagitahu* [beritahu], hidup saya tidak terancang. Saya lalui semua ini dengan tidak merancang. Saya biarkan tuhan yang merancang untuk saya. Tapi yang penting, saya nak lalui semua ini, nak pergi lagi dan nak mendalami lagi serta banyak lagi benda yang ada dalam bidang ini. Bidang lakonan, dalam bidang pengarahan, dalam bidang penceritaan untuk sebuah karya filem atau drama banyak lagi cerita-cerita yang tidak di sentuh oleh karyawan-karyawan. Jadi, kalau boleh saya nak meneruskan benda ini dengan *menggali* [mendalami] lagi cerita-cerita kita, tentang hidup kita, budaya kita dan sebagainya. Kalau melihat dari sudut harapan saya, saya lebih suka kalaulah industri ini dibantu secara betul dan ianya akan lebih berjaya. Kalau kita mengambil contoh negara-negara yang lain, bagaimana kuasa mereka. Kerajaan mereka menerima industri ini sebagai satu sumbangan yang besar untuk negara lalu mereka melabur dan sebagainya. Tengok *Korea* [nama negara], daripada yang senyap tidak ada apa-apa, tetapi

sekarang ini *Korea* [nama negara] tengah *meletup* [membangun] dan dalam bidang apa sahaja *Korea* [nama negara] telah pergi sebab kerana macam mana kerajaan mereka meletakkan tangan membantu benda ini dengan betul, melabur dengan cara yang betul. *Thailand* [nama negara] pun sama. Tetapi taraf industri kita masih lagi industri kecil. Kerajaan kita tidak nampak ia sebagai satu sumbangan yang besar. Kalau kita nak bandingkan dengan sukan, sukan lebih banyak dibantu. Mendapat *sponsor* [penaja] dan sebagainya dan *kita* [bidang seni] pula amat terhad. Jadi, kalaulah benda ini boleh diangkat bersama orang yang di peringkat tertinggi, barulah benda ini boleh naik. Industri kita sebenarnya adalah antara yang rendah dan belum pergi jauh lagi maruah dan martabatnya. Tapi sekiranya benda ini dibantu dengan betul, saya rasa ia akan berjaya. Harapan saya supaya dilihat *oleh tangan-tangan diatas* [pihak kerajaan] supaya melihat benda ini penting, bukannya industri kecil, industri kampung seperti industri orang buat keropok [sejenis makanan] di *Besut* [nama daerah di Terengganu] yang merupakan Industri kecil.

MF : **Bolehkah abang kongsikan tip-tip untuk berjaya dalam bidang seni ini ?**

SY : *Okay* [baiklah]. Untuk berjaya saya rasa tidak ada pilihan selain daripada kita buat dengan betul, rajin menerokai ilmu. Sebab kalau kita masuk dalam bidang ini tanpa ilmu, kita tidak akan ke

mana. Kita tidak akan berada lama. Kalau kita nak berlandaskan gaya dan *style* [watak] kita, selama mana sangat tubuh badan kita mampu. Tapi kalau kita berlandaskan ilmu dan pemikiran benda ini akan kekal. Jadi, kalau anda masuk dalam bidang ini, terokailah ilmunya kerana ilmunya sangat luas dan jangan ambil yang tepi-tepi picisan, seronok-seronok sahaja kerana benda itu semua akan kekal. Jadi, itu sahaja saya rasa benda yang boleh memajukan kita, memajukan diri dalam bidang yang kita ceburi, sebab setiap satu bidang itu dia tidak mati, dia amat luas dan ruang lingkupnya amat besar. Untuk jadi anak seni, masuk dan terokailah sedalam-dalamnya dan jujurlah dengan seni itu. Kalau kita tidak jujur, itu sebenarnya benda lain sebagai satu batu loncatan.

**MF : Jika diberi kesempatan, apakah yang abang ingin lakukan lagi untuk memartabatkan lagi bidang seni *tanah air* [Malaysia] kita ?**

**SY** : Seperti yang saya katakan tadi, banyak lagi yang kita tidak terokai. Contoh kalau saya ambil bidang filem atau drama, kita banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur luar. Kita lupa yang kita punya adalah lebih berharga. Sebenarnya, pada pendapat saya, kalau kita nak *Internationalkan* [antarabangsakan], benda yang lebih

*International* [antarabangsa] adalah benda yang lebih *local* [tempatan]. Sekarang ini kita berfikiran sempit. Contoh yang paling mudah mengapa saya berkata begitu, kita boleh tengok mengapa *makyong* [sejenis tarian tradisional] diangkat menjadi satu warisan dunia oleh *Unisco* [nama organisasi]. Ini kerana *makyong* [sejenis tarian tradisional] adalah *local* [tempatan], sebab itu dia boleh jadi *International* [antarabangsa]. Kalau kita buat filem kita merujuk kepada cerita *hollywood* [barat], ianya tidak akan menjadi *International* [antarabangsa]. Tapi kalau filem itu kita buat tentang kita, tentang budaya orang melayu kita, benda itu akan keluar sebagai benda *International* [antarabangsa]. Jadi kalau saya diberi peluang, saya cuba nak membawa benda-benda yang lebih *local* [tempatan] ini kepada *International* [antarabangsa] kalau dari sudut kesenian dan kebudayaan yang lalu, dikir dan *wayang kulit* [sejenis tayangan gambar tradisional], macam mana benda itu nak dikeluarkan dan dikembangkan supaya benda itu diterima dan merasakan benda ini adalah milik semua. Contohnya orang di *Perak* [nama negeri dalam Malaysia], bagaimana nak buat mereka rasa yang dikir barat ini milik mereka juga. Bagaimana nak buat orang di *Johor* [nama negeri dalam Malaysia], merasa yang dikir barat ini milik mereka. Kalau kita tutup dia, kononnya kita menjaga dia tetapi kita mengurung dia, saya rasa konsep jaga itu salah. Nak jaga dikir barat , harus biarkan dia hidup. Kembangkan dia baru dia hidup. Kalau kurung dia, dia akan mati dalam kurungan itu sendiri. Jadi, kalau saya

diberi peluang, saya akan kembangkan dia. Adakan perubahan. Mengapa takut nak berubah. Dia hidup sebab dia berubah. Kalau dia tidak berubah, dah lama dia mati. Orang kata mengapa ubah *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan], saya nak tanya yang mana asli tentang dikir barat, sebab *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan] dah memang tidak ada yang asli. Dia hidup sebab dia berubah. Dikir barat disukai sekarang sebab dia berubah secara tidak sedar. Nak hidup, kena berubah. Jadi kenapa kita takut nak ubahkan dia. Yang kedua saya lihat kenapa kita nak tradisionalkan *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan]. Sedangkan *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan] bukan tradisional. *Dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan] bukan bersifat tradisional. *Makyong* [sejenis tarian tradisional] dan *wayang kulit* [sejenis tayangan gambar tradisional], tradisional. Sifat-sifat tradisional adalah sifat-sifat yang tidak berubah. Tetapi *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan] adalah *current issue* [isu semasa]. Bila isu semasa, dia telah keluar dari ciri-ciri tradisional. Tetapi mengapa kita nak tradisionalkannya. Wujudnya sendiri adalah bukan tradisional. *Dia* [dikir barat] adalah bahan popular ketika itu. Dia adalah persembahan rakyat. Mengapa orang kita berfikir bahawa dia adalah tradisional dan itu telah mematikan *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan]. Jadi saya menggunakan dalam *Karoot Komedia* [nama program realiti televisyen], dia bukan tradisional. Saya tahu ramai

orang yang tidak suka.

**MF : Bolehkah abang berkongsi pandangan abang terhadap sambutan dan sokongan rakyat Malaysia sendiri terhadap bidang seni *tanah air* [Malaysia].**

**SY** : Bidang seni tanah air adalah satu benda yang tidak mati dan kreatif. Bidang yang sentiasa segar. Sebagai manusia, suka kepada benda-benda seni ini adalah *fitrah* [sifat semulajadi]. Seni harus berkembang dalam jiwa manusia. Manusia perlu hidup dengan rasa seni. Nilai seni ini adalah rasa halus yang tuhan berikan pada kita. Dan saya percaya semua orang suka walaupun dia tidak ada kebolehan dalam bidang seni tetapi dia suka akan seni itu sendiri. Bidang seni ini adalah satu bidang yang orang suka. Orang yang terlibat dalam bidang seni tanah air kita tidak ramai jika nak dibandingkan dengan yang lain. Contohnya seni *dikir barat* [sejenis nyanyian popular di negeri Kelantan]. Berapa orang yang menjadi pendikir di seluruh Malaysia jika dibandingkan dengan orang kerja kilang. Tidak ramai orang yang boleh terlibat sebab kemampuan dan rasa yang tuhan bagi. *Tukang karut* [penyanyi dalam dikir barat] kena bersyukur sebab dalam dunia ini, hanya ada di *Kelantan* [nama negeri dalam Malaysia] sahaja. Jadi, bidang ini adalah bidang yang orang suka, dan pada saya, kita kena jaga supaya satu generasi ke generasi suka pada benda ini. Jadi, jika perlu kita ubah sesuai dengan selera, maka ubahlah

asalkan ada beberapa tunggak-tunggak dia yang kita tidak ***bunuh*** [hilangkan]. Contohnya dikir kena ada *Jogho* [penyanyi dalam dikir barat], *Tukang karut* [penyanyi dalam dikir barat] dan penutup. Orang dah mula suka benda-benda macam ini sebab dia berubah. Jika tidak berubah, masyarakat tidak suka. Kenapa orang suka, adalah sebab ada perubahan besar yang dilakukan dalam *Karoot Komedia* [nama program realiti televisyen]. Semua orang suka sekarang ini. Tetapi, oleh kerana orang suka itulah kita kena jaga dari sudut lain pula. Bidang seni adalah bidang yang orang suka dan jika ada sedikit kesalahan sahaja pun orang sudah nampak.

**MF** : **Kata-kata terakhir abang Sabri sebelum kita mengakhiri sesi temuramah kita pada petang ini. Mungkin ada sedikit pesanan.**

**SY** : *Okay* [baiklah]. Kesimpulannya, daripada perbualan kita ini, kita dapat rasakan bahawa penglibatan dalam dunia seni ini adalah daripada golongan-golongan yang memang terpilih sahaja kerana ada orang cuba nak jadi, tetapi tidak dapat. Sebab bidang dia tidak besar, tetapi pentingnya dalam kehidupan bermasyarakat adalah amat penting sebagai satu makanan kerohanian kita. Kita dilahirkan dengan *fitrah* [sifat semula jadi] yang suka pada

kesenian. Ada orang suka menatap lukisan selama berjam-jam, ada orang suka nyanyian dan ada orang suka lakonan. Jadi ini adalah satu makanan jiwa yang perlu di isi oleh manusia. Dalam manusia mengejar kehidupan luar, jiwa juga harus di isi dan senilah yang akan mengisi jiwa itu. Saya berharap kepada rakyat Malaysia kita, walaupun tidak terlibat dalam seni, tetapi jadilah orang yang *appreciate* [menghargai] pada seni.

**MF** : ***Okay*** **[baiklah]. Sekian sahaja sesi temubual kita untuk subjek oral dokumentasi. Terima kasih kami ucapkan kepada abang Sabri Yunus kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah pada petang ini. Kami berharap sebagaimana yang abang Sabri harapkan supaya bidang seni** ***tanah air*** **[Malaysia] akan terus maju dan membangun pada masa akan datang.** ***Okay*** **[baiklah]. Sekian, Terima kasih.**

**SY** : Sama-sama.

**Senarai Soalan**

***Latar Belakang***

1. Apakah nama penuh abang mengikut kad pengenalan abang?
2. Apakah nama yang biasa digunakan oleh ahli keluarga ataupun sahabat abang untuk memanggil abang?
3. Bila dan di manakah abang dilahirkan?
4. Dimanakah abang Sabri menetap sekarang?
5. Apakah nama penuh kedua ibu bapa abang sendiri?
6. Seperti yang kita tahu, abang berasal dari Kelantan, adakah kedua ibu bapa abang juga berasal dari negeri yang sama?
7. Adakah kedua orang tua abang masih ada?
8. Dimanakah emak abang menetap sekarang? Adakah bersama abang?
9. Abang mempunyai berapa orang adik-beradik?
10. Abang anak yang ke berapa?
11. Apakah pekerjaan adik-beradik abang sendiri?
12. Bilakah abang Sabri mendirikan rumah tangga?
13. Boleh abang Sabri bagitahu sedikit siapakah nama isteri abang?
14. Boleh abang kongsikan sedikit , macam mana boleh berkenalan ataupun bertemu dengan arwah?
15. Abang dikurniakan berapa orang cahaya mata?
16. Adakah anak abang masih belajar?
17. Berkenaan dengan hobi, apakah hobi abang pada masa lapang?

18. Sebelum abang bergelar seorang insan seni, apakah cita-cita abang sebelum ini?

19. Siapakah yang memberi galakan ataupun dorongan dalam abang menceburi bidang ini?

20. Siapakah idola dalam hidup abang?

21. Idola dalam bidang seni itu sendiri?

22. Apakah prinsip hidup abang Sabri sendiri?

23. Boleh abang ceritakan sedikit sebanyak kehidupan abang sebelum bergelar anak seni?

24. Kenangan pahit manis abang sebelum bergelar anak seni?

***SejarahPendidikan***

25. Bila dan dimanakah abang Sabri mula mendapatkan pendidikan?

26. Apakah mata pelajaran yang paling abang Sabri suka di waktu zaman persekolahan?

27. Boleh abang Sabri ceritakan mengapa tiga subjek ini paling abang Sabri suka?

28. Semasa alam persekolahan abang Sabri sendiri, adakah abang Sabri turut terlibat aktif dalam bidang kokurikulum?

29. Siapakah teman ataupun kawan karib abang Sabri di zaman persekolahan dahulu?

30. Adakah abang masih berhubung dengan kawan-kawan sekolah?

31. Pada pendapat abang Sabri sendiri, apakah perbezaan diantara sistem pendidikan dahulu dengan sekarang?

***PengalamanHidup Tokoh***

32. Sebelum bergelar anak seni, adakah abang Sabri ada membuat pekerjaan lain?

33. Bolehkah saya tahu dari mana abang Sabri belajar ilmu berkenaan dengan lakonan dan teater ini?

34. Adakah keluarga, mungkin anak-anak abang Sabri turut memberi sokongan sepanjang kegiatan abang dalam bidang ini?

35. Antara banyak-banyak bidang seni, apakah bidang seni yang paling utama abang fokuskan?

36. Dalam bidang kesenian ini, adakah abang Sabri bekerja di bawah syarikat atau organisasi tertentu ataupun bergerak secara sendiri?

37. Adakah abang Sabri mempunyai kerja sampingan selain daripada bidang seni?

38. Boleh abang beritahu apakah nama drama pertama lakonan abang?

39. Boleh abang senaraikan antara program yang pernah abang acarakan?

40. Adakah abang pernah terlibat dalam mana-mana drama ataupun filem yang mengetengahkan unsur-unsur budaya negeri Kelantan?

41. Boleh abang kongsikan sedikit tentang kisah jatuh bangun abang sepanjang bergelar anak seni?

42. Dari mana abang mendapat semangat untuk terus berjaya dalam bidang seni ini?

43. Bagaimana jadual kehidupan harian abang Sabri sebagai insan seni?

44. Bagaimana abang membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?

***Pencapaian Tokoh (Pengiktirafan)***

45. Bolehkah abang ceritakan sedikit sebanyak tentang pencapaian peribadi abang dalam bidang seni ini?

46. Apakah anugerah ataupun pengiktirafan yang paling tinggi yang pernah abang capai?

47. Dalam usaha memperoleh anugerah tersebut, boleh abang ceritakan sedikit tentang halangan sebelum mencapainya

***Sumbangan Tokoh***

48. Adakah abang mempunyai anak didik dalam bidang seni?

49. Adakah abang terlibat secara aktif dengan segala program yang Istana Budaya ataupun Dewan Bahasa dan Pustaka anjurkan?

***Pandangan/Pendapat/Harapan Tokoh***

50. Apakah perancangan masa depan abang dalam bidang seni ini?

51. Bolehkah abang kongsikan tip-tip untuk berjaya dalam bidang seni ini?

52. Jika diberi kesempatan, apakah yang abang ingin lakukan lagi untuk memartabatkan lagi bidang seni tanah air kita?

53. Bolehkah abang berkongsi pandangan abang terhadap sambutan dan sokongan rakyat Malaysia sendiri terhadap bidang seni tanah air?

54. Kata-kata terakhir abang Sabri sebelum kita mengakhiri sesi temuramah kita pada petang ini. Mungkin ada sedikit pesanan?

**Log Temubual**

**Latar Belakang**

| Masa | Perkara Yang Dibincangkan | Nama/ Tempat Rujukan |
|---|---|---|
| 01:02 | Latar Belakang tokoh | 1. Mohd Sabri Bin Yunus.<br>2. Pengkalan Chepa, Kelantan<br>3. Ampang, Selangor<br>4. Yunus Bin Dollah<br>5. Semah Binti Yop |
| 03:55 | Saudara mara | 1. Selangor<br>2. Pegawai polis<br>3. Dewan Bahasa dan Pustaka<br>4. Kelantan |
| 04:24 | Kehidupan berumahtangga | 1. Norraya Binti Yusof<br>2. Dewan Bahasa dan Pustaka<br>3. Saidi<br>4. Shamimi<br>5. Syazni<br>6. Universiti Islam Antarabangsa |
| 06:11 | Hobi dan cita-cita | 1. Menonton televisyen<br>2. Membaca<br>3. Menulis<br>4. Pelukis<br>5. Dewan Bahasa dan Pustaka<br>6. Berlakon |
| 07:36 | Dorongan dalam kerjaya | 1. Keluarga<br>2. Adik-beradik<br>3. Kelantan<br>4. Dewan Bahasa dan Pustaka |
| 08:54 | Idola | 1. P. Ramlee<br>2. S. Kadarisman |

| | | |
|---|---|---|
| 11:33 | Prinsip | 1. Dewan Bahasa dan Pustaka<br>2. Subjektif |

**Sejarah Pendidikan**

| Masa | Perkara Yang Dibincangkan | Nama/ Tempat Rujukan |
|---|---|---|
| 15:40 | Latar belakang pendidikan | 1. Sekolah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kelantan.<br>2. Sekolah Rendah Dato' Hashim<br>3. Sekolah Menengah Pengkalan Chepa, Kelantan<br>4. Sekolah Menengah Ismail Petra, Kelantan.<br>5. SPM<br>6. STPM |
| 19:36 | Penglibatan kurikulum dan kokurikulum | 1. Persatuan Bahasa Malaysia<br>2. Kadet polis<br>3. Persatuan Seni Lukis<br>4. Pementasan |
| 21:14 | Rakan-rakan pada zaman belajar | 1. Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa<br>2. Nasir Ibrahim<br>3. Kampung Sabak, Kelantan<br>4. Pantai Cahaya Bulan<br>5. Hasan Deraman |

**Pengalaman Tokoh**

| Masa | Perkara Yang Dibincangkan | Nama/ Tempat Rujukan |
|---|---|---|
| 26:16 | Permulaan kerjaya | 1. Pelukis<br>2. Dewan Bahasa dan Pustaka<br>3. Pelakon |
| 29:17 | Sokongan yang diterima sepanjang dalam bidang seni | 1. Anak-anak<br>2. Adik-beradik<br>3. Keluarga |
| 32:49 | Kerjaya sampingan selain daripada bidang seni | 1. Dewan Bahasa dan Pustaka<br>2. Seni lakon<br>3. Penulisan Skrip |
| 34:28 | Nama drama pertama hasil lakonan Sabri | 1. Arman Di Lorong Tua<br>2. Osman Haji Zainuddin<br>3. Pi Mai Pi Mai Tangtu |
| 35:34 | Program yang pernah di acarakan | 1. Dinner Show<br>2. Family Day<br>3. Teka Sedia Singa<br>4.Radio Televisyen Malaysia |

**Pencapaian Tokoh**

| Masa | Perkara Yang Dibincangkan | Nama/ Tempat Rujukan |
|---|---|---|
| 47:45 | Pencapaian peribadi dalam bidang seni | 1. Anugerah Bintang Popular<br>2. Anugerah Komedi Angkasapuri<br>3. Anugerah Seri Angkasa<br>4. Anugerah Lawak Warna Komedi<br>5. Kumpulan Titans<br>6. Bintang Mencari Bintang<br>7. Anugerah Penulis Skrip<br>8. Hari-hari Terakhir Seorang Seniman<br>9. Malaysia Digital Award<br>10. Sanggul Beracun |

**Sumbangan Tokoh**

| Masa | Perkara Yang Dibincangkan | Nama/ Tempat Rujukan |
|---|---|---|
| 52:17 | Anak didik dalam bidang seni | 1. Maharaja Lawak<br>2. Bintang Mencari Bintang<br>3. Kumpulan Titans<br>4. School Of Lawak<br>5. Kelantan<br>6. Kuala Lumpur<br>7. Karoot Komedia<br>8. Singapura |

| | | |
|---|---|---|
| | | 9. Malaysia<br>10. Pi Mai Pi Mai Tangtu |

**Pandangan Tokoh**

| Masa | Perkara Yang Dibincangkan | Nama/ Tempat Rujukan |
|---|---|---|
| 1:00:13 | Perancangan masa depan | 1. Lakonan<br>2. Pengarahan<br>3. Karyawan-karyawan<br>4. Korea<br>5. Thailand<br>6. Besut |
| 1:05:07 | Pendapat untuk memartabatkan lagi bidang seni | 1. Makyong<br>2. Unisco<br>3. Hollywood<br>4. Johor<br>5. Perak<br>6. Karoot Komedia |
| 1:14:05 | Pesanan dalam bekerjaya | 1. Kerohanian<br>2. Menghargai |

**INDEX**

**A**

Abang, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 13, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 39, 41, 42, 47,

Arwah, 5, 17,

Al-Haq 15,

Alumni, 18

Arman, 25,

Anak jati, 26,

Angkasapuri, 33,

Astro, 28, 33, 37,

Alhamdulillah, 28, 33, 34,

Appreciate, 46,

**B**

Borang, 20,

Budaya, 28,

**C**

Company, 23, 24,

**D**

Direct, 3,

DBP, 1, 5, 7, 8, 10, 11, 20, 23, 24, 39,

Dorongan, 7

Drama, 20,

Dinner show, 26,

Dialog, 26,

Dialek, 27, 28,

Dikir barat, 29, 45,

Dokumentasi, 47,

**F**

Fakulti, 1

Farah Rosli, 15,

Facebook, 18,

Freelife, 20, 23,

Family days, 26,

Fitrah, 45, 46,

**G**

Genre, 39,

**H**

Hussain, 15,

Hang Tuah, 15,

Hasan Deraman, 17,

Human, 37,

Hollywood, 43,

**I**

Interview, 3,

Idola, 8, 9,

Industri, 10, 36, 41,

Indonesia, 15

Insyaallah, 35,

Istana Budaya, 39,

International, 42, 43,

**J**

Jogho, 27, 45,

Juwe, 27,

Jiwa, 44

**K**

Kelantan, 1, 2, 3, 5, 17, 26, 27, 28, 29, 37, 38, 44, 45,

Kesenian, 5, 23,

Kebudayaan,5

Karoot, 37, 44, 45,

Kuala Lumpur, 1, 2, 3, 37,

Kerajaan, 14, 40, 41,

Kokurikulum, 16,

Kadet, 16,

Komitmen, 16,

Kuala Chepa, 17,

Kerjaya, 20, 23,

Konteks, 22,

Kegawatan, 29,

Komedi, 33,

Korea, 40,

Karyawan, 40,

Kerohanian, 46,

**L**

Lisan, 1

Latar belakang, 4,

Lakonan, 7, 11, 21, 23, 25,

Laptop, 19

Long, 21,

Live, 29,

Local, 42, 43,

M

Mahkamah, 3

Malaysia, 4, 14, 15, 16, 44,

Menulis, 6, 22, 34,

Menonton, 6

Membaca, 6, 11, 14,

Melukis, 7, 8, 21,

Melaka, 15

Mamak, 31,

Mengarah, 22, 25, 34,

Mengacara, 26,

Menganggur, 29,

Maharaja, 35,

Minima, 38,

Maruah, 41,

Martabat, 41,

Mak Yong, 42, 44,

N

Nasir Ibrahim, 17

O

Offer, 23,

Osman Haji Zainuddin, 25,

Oral, 47,

P

Pendokumentasian, 1

Pencen, 4,

Polis, 4, 16,

Pengkalan Chepa 2, 13,

Pelukis, 7

P, Ramlee, 9, 15,

Panel, 26,

Pengiktirafan, 33,

Pelakon, 9, 20, 34,

Prinsip, 10,

Pentas, 25,

Pahlawan, 15

PCB, 17,

PKNK, 17,

Pendidikan, 19,

Props, 24,

Produse, 24,

Performer, 30,

Peribadi, 33,

Pendikir, 37, 38, 45,

Picisan, 41,

Perak, 43

**R**

RTM, 26, 27,

Rakyat, 44,

**S**

Sempadan 2,

Selangor, 2, 4,

Saidi, 6

Shamimi, 6

Syazni, 6

Sulung, 6

S Kadarisman, 9,

Subjektif, 10

Sastera, 13,

Sultan Muhammad, 13,

Sekolah, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 21,

Sejarah, 13, 14, 15, 16,

SPM, 13, 14,

STPM, 13, 14,

Sabak, 17,

STP, 14,

Subjek, 14, 15,

Siti Nurbaya, 15,

Singapura, 38,

Strok, 21,

Skrip, 22, 24, 25, 34,

Sitkom, 25,

SYYS, 25,

Sanggul, 34,

Sponsor, 41,

**T**

Tokoh, 8,

Taksub, 9

Teater, 5, 7, 21, 22,

Titans, 33, 36,

Tukang karut, 45,

Tersenggang, 18,

Tradisional, 23, 44,

Terokai, 24,

Tunggang-langgang, 26,

Titans, 33, 36,

Taraf, 35,

Thailand, 40,

Terengganu, 41, 44,

**U**

UIA, 6

UITM, 1

UNISCO, 42,

**W**

Wawancara, 31,

**Rujukan**

Balang Rimbun Sdn Bhd. (n.d.). *Balang Rimbun Sdn Bhd.* Retrieved May 27, 2014, from http://www.balangrimbun.com/English/index.html

Isey Fazlisham | Facebook. (n.d.). Isey Fazlisham | Facebook. Retrieved March 28, 2014, from https://www.facebook.com/isey.fazlisham

Portal TOL On-Line Technology : e-Books Tutorials Source-Codes Free Softwares Games. (n.d.). *Portal TOL On-Line Technology : e-Books Tutorials Source-Codes Free Softwares Games.* Retrieved June 4, 2014, from http://articles.portal-tol.net/english-language ms/Mohd%20Sabri%20Yunus Find a website by URL or keyword...

Pustaka, D. B. (n.d.). Laman Web Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka. *http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles&ArticleID=2457&IID=*.RetrievedApril 6, 2014, from http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main .php

# LAMPIRAN

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Machang, Kelantan

## PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yanq telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA denqan ...MOHD....SABRI.....B. YUNUS.....Pada.........15/4/14........

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -

   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ...15/4/14..... (tarikh). Dipersetujui pada ..15/4/14.......... oleh kedua pihak yang berkenaan.

..............................

Pengkisah (Tokoh)

..............................

Dr. Hj. Ghazali Bin Osman,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

**Gambar**




**Gambar 1: Dari kiri Wan Mohd Arrif, saudara Sabri Yunus dan Mohd Farid**




**Gambar 2: Bersama saudara Sabri Yunus**



**Gambar 3: Penyampaian Saguhati**